



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/06/52 (HQ)

ORANG ASLI JEMPOL PENERIMA PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Kehidupan Puan Tini binti Sari@Dodong kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Panchor, Rompin, Negeri Sembilan menerusi Projek Baiti Jannati Peringkat Negeri Sembilan 2016.

Puan Tini binti Sari@Dodong, 30, adalah calon penerima dari kalangan Orang Asli Jempol telah dicadangkan sebagai penerima bantuan rumah kali ini.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibina baharu lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air serta elektrik.

Rumah Puan Tini binti Sari@Dodong yang siap dibina dirasmikan hari ini oleh Ahi Dewan Undangan Negeri Kawasan Jeram Padang, Yang Berhormat Dato' Manickham Letchuman.

Pengurus Besar Negeri (Negeri Sembilan) TNB, Ir. Ahmad Fuad Md.Kasim dalam ucapannya berkata Projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, setakat ini empat (4) orang penerima yang layak telah dikenal pasti melibatkan pengajur dari pejabat Pengurus Besar Negeri(Negeri Sembilan) dan Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Port Dickson.

Dikeluarkan di Panchor, Negeri Sembilan pada 2 Jun 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*